

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُفُوسِيَّتِي تَكُونُ لَوْ كُنِي مَبَارَا



8.0 *Penerbitan, ICT dan Komunikasi*

Penerbitan, ICT dan Komunikasi berperanan sebagai mekanisma penyampaian maklumat mengenai semua aktiviti kualiti yang dianjurkan oleh InQKA dan juga yang telah dijalankan di PTJ. Fokus kepada rekabentuk grafik untuk bahan terbitan InQKA samada dalam bentuk bercetak atau digital ialah peranan utama portfolio ini selain memberi perkhidmatan teknikal seperti menyelenggara dan menyediakan peralatan ICT kepada staf InQKA serta menyelenggara sistem pelaporan audit dalaman SePADU bagi semua PTJ.

8.1 *Penerbitan*

Penerbitan InQKA telah menghasilkan hampir 30 rekabentuk sepanjang tahun 2014 sebagai banner di laman web InQKA antaranya ialah ucapan perayaan keagamaan seperti Maulidur Rasul dan ucapan Selamat Hari Raya dan juga ucapan perayaan nasional seperti Ucapan Tahun Baru, Hari Merdeka dan Hari Malaysia. Penerbitan juga telah menyediakan rekabentuk muka hadapan untuk Laporan Self Review Portfolio 2014 di samping meneruskan tugas menyediakan kulit hadapan Laporan Penilaian Luar InQKA. Rekabentuk juga disediakan untuk papan tanda elektronik (digital board) yang terletak di kedua-dua pintu masuk utama UiTM untuk memaklumkan aktiviti AKNC dan aktiviti audit.



Penerbitan juga membantu memeriahkan lagi Pembentangan Akhir AKNC dengan menghasilkan montaj sepanjang 4 minit dengan kerjasama unit ICT iLQAM pada tahun lepas. Untuk makluman dalaman, Penerbitan InQKA juga telah menghasilkan rekabentuk bagi ucapan Selamat Hari Lahir kepada semua staf InQKA serta ucapan tahniah untuk kelahiran cahayamata, perkahwinan, dan kenaikan pangkat.





Penerbitan ICT InQKA juga telah menerbitkan e-book bagi tujuan perkongsian maklumat berkenaan kualiti di InQKA dan UiTM amnya. Buku elektronik (e-book) ini telah dapat diterbitkan sebanyak 3 edisi sepanjang tahun 2014 iaitu Edisi Cawangan, Edisi InQKA dan Edisi Khas.

8.2 *ICT dan Komunikasi*

Sistem Pelaporan Audit Dalam atau SePADU yang dibangunkan bagi tujuan melaporkan penemuan audit dalaman diselenggara oleh seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di InQKA. SePADU yang telah diwajibkan penggunaannya semenjak tahun 2012 dibangunkan dengan tahap keselamatan yang tinggi demi menjaga keselamatan maklumat yang tersimpan (laporan audit) di dalam pangkalan data sistem tersebut.

InQKA akan meneruskan misi penambahbaikan kepada sistem ini supaya auditor akan lebih mudah melaporkan hasil audit. Atas tujuan itu, satu perbincangan telah diadakan dengan pihak InfoTech untuk menjadikan SePADU lebih mesra pengguna. Pembaharuan yang dibuat oleh Infotech akan diperkenalkan pada tahun 2015 nanti.





Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor